



Y.A.M. TENGGU SYARIF BENDAHARA PERLIS
SYED BADARUDIN JAMALULLAIL
IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA
JAMALULLAIL
Pengerusi

Utusan Pengerusi

Para Pemegang Saham dan Pemegang Berkepentingan yang Dihargai,

Ketika saya menulis mesej ini, wabak di Malaysia dan negara Thai pada bulan Oktober 2021 nampaknya sedang beransur-ansur pulih. Kadar jangkitan dan bilangan kematian semakin menurun dan kerajaan Malaysia baharu sahaja membenarkan perjalanan merentas negeri. Dalam erti kata lain, kini ada sebab untuk berharap selepas lebih setahun setengah menghadapi kekangan ekonomi dan sosial.

Bagi kami di Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB), tahun kewangan baru sahaja berakhir (TK2021) merupakan tahun operasi penuh kami yang pertama yang terjejas disebabkan COVID-19. Namun demikian, F&NHB masih terus menjana hasil, bukan sahaja secara kewangan tetapi juga daripada segi sumbangan kepada pemegang berkepentingan utama kami dan masyarakat umum.

Di tengah-tengah landskap operasi yang sangat mencabar, kami dapat mengekalkan kedudukan peneraju pasaran dalam kategori utama kami. Kami meneruskan dengan keutamaan jangka panjang dan melancarkan segmen perniagaan yang keempat – Makanan Bungkusan Halal – dengan pembelian Syarikat Sri Nona. Apa yang penting ialah kami dapat ‘Membayangkan Semula’ cara kami beroperasi supaya lebih cekap sambil mengutamakan kesejahteraan para pekerja kami dan komuniti. Meneruskan Nilai-nilai Global kami iaitu Prihatin terhadap Pemegang Berkepentingan, Kolaborasi dan Pembentukan Nilai, kami telah mengukuhkan F&NHB pada tahap asas dan sebaik sahaja ekonomi pulih, kami akan bersedia untuk meningkatkan semula pertumbuhan.

UTUSAN PENGERUSI

MENCIPTA NILAI

Saya percaya bahawa dalam musibah ada manfaatnya. Walaupun pandemik telah menjejaskan perniagaan dengan teruk di serata dunia, namun keadaan ini telah membuatkan kami menilai diri sendiri dan menyedari bahawa syarikat korporat seperti F&NHB adalah sebahagian daripada ekosistem yang lebih luas di mana kami saling bergantung. Kemapanan kami terletak pada kemapanan ekosistem ini. Menyedari perkara ini, kami telah memperuntukkan masa dan sumber pada tahun ini untuk meningkatkan ketahanan ekosistem kami dengan bersikap prihatin dan mencipta nilai untuk mereka yang berada di dalam ekosistem ini.

Fokus utama adalah untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi negara daripada kesan pandemik dengan menyokong usaha Kerajaan dalam pemvaksinan rakyat. Kami menggalakkan para pekerja kami dan para pekerja rakan perniagaan untuk divaksinasi melalui program pemvaksinan pekerja. Sehingga bulan Ogos 2021, kami telah mencapai kadar pemvaksinan di tempat kerja sebanyak 90 peratus. Kami turut menyokong program pemvaksinan kerajaan melalui kempen #HidratkanDiriSihatkanBadan yang menyaksikan F&NHB mengagihkan lebih satu juta botol 100PLUS, minuman isotonik kegemaran Malaysia, di pusat-pusat pemvaksinan utama. Ini ialah cara kami mempromosikan program imunisasi dengan memastikan orang ramai mengekalkan hidrasi optimum mereka sepanjang tempoh yang kritikal tersebut.

Untuk menambah baik lagi ekosistem pemegang berkepentingan, kami telah menyahut panggilan untuk menghargai pengorbanan yang dilakukan oleh anggota barisan hadapan negara dan menyokong komuniti yang paling terjejas akibat pandemik. Sejak pandemik bermula pada bulan Mac 2020, kami telah mengagihkan lebih dua juta produk kepada pelbagai penerima di seluruh negara. Sepanjang bulan Ramadhan tahun ini, produk F&N telah diagihkan melalui program 'Keberkatan Plus Plus' kepada 20,000 penerima termasuk keluarga B40 dan 100 rumah yang kurang berkemampuan. Di negara Thai, kami membantu komuniti pengusaha gerai makan seramai 20,000 dengan memberi mereka produk F&N bagi meringankan bebanan hidup mereka.

“ Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa walaupun dalam persekitaran yang mencabar, kegigihan menghasilkan produk dan usaha membawa dan memasarkannya, semuanya digabungkan dan membolehkan kami menawarkan dividen yang sama seperti tahun kewangan sebelum ini.

”



Sebagai pengeluar makanan dan minuman (F&B), para pengguna menjadi matlamat kewujudan kami – seterusnya memastikan kami memenuhi janji jenama 'Nikmat Sebenar. Kebaikan Sejati' sepanjang masa. Selain daripada menjadi lebih prihatin terhadap kesihatan, kami juga meningkatkan tumpuan kepada produk yang lebih sihat. Diantaranya, kami telah membuat pelaburan yang besar untuk mengurangkan kandungan gula bagi portfolio keluaran kami tanpa mengubah rasa asalnya. Pada tahun ini, dengan pelancaran F&N Sparkling, F&N Bandung dan est Cola Brown Sugar di Malaysia, serta BEAR BRAND GOLD Acerola Cherry dan F&N Magnolia Choc Malt Milk dengan kandungan rendah gula dan rendah lemak 50 peratus di Thailand, kami kini memiliki tidak kurang daripada 69 produk yang diiktiraf dengan logo Pilihan Lebih Sihat.

Usaha untuk mengoptimumkan portfolio produk kami adalah penting bagi memaksimumkan keuntungan, seterusnya membentuk nilai untuk pemegang saham. Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa walaupun dalam persekitaran yang mencabar, kegigihan menghasilkan produk beserta gabungan usaha pemasaran produk ke pasaran membolehkan kami menawarkan dividen yang sama seperti tahun kewangan sebelum ini. Pada bulan Jun, kami telah membayar dividen tahap satu interim sebanyak 27.0 sen sesaham berjumlah kira-kira RM99 juta. Pada mesyuarat agung tahunan (AGM) kami yang akan datang, Lembaga Pengarah akan mencadangkan dividen akhir sebanyak 33.0 sen sesaham. Sehubungan dengan prosedur operasi standard yang sedang dilaksanakan, AGM tahun ini akan diadakan secara maya, sama seperti AGM pada TK2020.

Akhir sekali, kenyataan saya tentang pembentukan nilai tidak akan lengkap tanpa menyentuh tentang program yang dekat di hati saya: Anugerah Pengerusi F&NHB. Anugerah ini diberikan kepada anak-anak para pekerja yang mencapai keputusan akademik dan kokurikulum yang cemerlang. Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa pada tahun 2021, kami telah menganugerahkan hadiah wang tunai berjumlah RM218,100 kepada 73 orang kanak-kanak yang layak.

TERAS KELESTARIAN

Memandangkan perubahan dan cabaran besar yang muncul berikutan COVID-19, maka pada TK2021 kami telah menilai semula hal-hal berkaitan bahan dan mengolah semula matriks kematangan kami. Kami turut menggariskan sasaran kelestarian baharu untuk dicapai menjelang tahun 2025.

Antaranya ialah matlamat untuk mencapai 100 peratus minyak sawit pensijilan Rountable Sustainable Palm Oil (RSPO) menjelang tahun 2025. Ini merupakan satu sasaran yang tinggi namun kami yakin akan dapat mencapainya memandangkan kemajuan yang telah dicapai sehingga kini. Selepas mencapai tanda aras utama pada tahun 2020 dengan pembelian kredit RSPO untuk 100 peratus keperluan minyak sawit, kami telah memulakan pertukaran kami dengan pengambilan 20 peratus minyak sawit fizikal dengan persijilan RSPO dan 80 peratus dalam bentuk kredit pada tahun ini.

F&NHB turut mencapai skor tertinggi dalam di kalangan 12 buah syarikat di Asia yang termasuk dalam Kad Skor Pembeli Minyak Sawit WWF (POSB) 2021 dan menduduki tempat ke-46 daripada 142 responden global. Ini adalah sesuatu yang kami boleh banggakan dan kami akan terus berusaha untuk meningkatnya dalam beberapa tahun yang akan datang.


Matriks kematangan kami kini termasuk empat bahan baharu, antaranya Hak Asasi Manusia. Walaupun risiko pelanggaran hak asasi manusia adalah minimum di bahagian operasi kami di Malaysia dan negara Thai, namun kita sedar bahawa risiko tersebut mungkin wujud dalam rantaian bekalan lanjutan kami. Kami telah menjalankan penilaian risiko hak asasi manusia untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang risiko kami secara keseluruhan merentasi rantaian nilai. Sehubungan dengan itu, kami telah membangunkan Dasar Hak Asasi Manusia dan sebuah manual usaha wajar.

Satu lagi isu global yang kami tekankan ialah pengurusan sisa, khususnya sisa plastik. Sebagai sebahagian daripada usaha, kami merupakan anggota pengasas Malaysia Recycling Alliance (MAREA)



yang terdiri daripada syarikat-syarikat dalam industri barangan pengguna cepat laris (FMCG) yang mencari penyelesaian lestari bagi pengurusan pembungkusan selepas digunakan. F&NHB juga turut mengukuhkan pemahaman dan prestasi alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) kami dengan menyertai CEO Action Network (CAN), sebuah gabungan bukan formal para Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli Lembaga Pengarah dengan tumpuan terhadap menyokong kelestarian, membina kapasiti prestasi.

Akhir sekali, kami juga menyedari tentang keperluan untuk mewujudkan kepelbagaian jantina dalam jawatan pembuat keputusan. Kami telah mengambil langkah positif dalam usaha ini dengan menerima seorang lagi anggota wanita dalam Lembaga Pengarah kami pada tahun kewangan ini. Pada peringkat pengurusan, wanita sudah mencapai 45 peratus daripada jumlah keseluruhan dan jauh lebih tinggi daripada garis dasar 30%.



UTUSAN PENGERUSI

ANUGERAH

Fokus yang dipertingkatkan untuk mencipta nilai ESG menyaksikan F&NHB muncul sebagai syarikat 20% teratas dalam Penilaian Kelestarian Korporat (CSA) Global S&P kami yang pertama dengan mencapai peratusan ke-86 dan berada dalam senarai 10 syarikat teratas bagi industri minuman*. Kami juga tersenarai dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia 2021 bagi tahun ketiga berturut-turut dan turut tersenarai dalam Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia yang baru diperkenalkan. Indeks ini mencerminkan pelaburan yang dibuat bagi memastikan semua produk kami adalah halal dan rantaian nilai kami patuh Syariah.

Usaha untuk mengurangkan jejak karbon dan meningkatkan pengurusan sisa telah menyaksikan kami memenangi beberapa anugerah alam sekitar. F&N Dairies Thailand menerima Anugerah Industri Terbaik Perdana Menteri 2020 yang berprestij manakala di Malaysia, F&NHB telah mendapat pengiktirafan menerusi tiga anugerah pada Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri 2019/2020. Kilang Pengeluaran Pulau Indah telah memenangi Anugerah Pencapaian Terunggul dan Anugerah Negeri Selangor, manakala kilang pengeluaran kami di Shah Alam memenangi Anugerah Pencapaian Cemerlang. Kilang pengeluaran kami di Kuching pula merangkul Merit dalam Kategori Enterpris Sederhana pada Anugerah Alam Sekitar Ketua Menteri Sarawak 2019/2020.

Kami berbesar hati menerima pengiktirafan bagi pelaporan kelestarian apabila Laporan Kelestarian 2019 kami memenangi pingat Perak pada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2020. Usaha untuk berhubung dengan lebih lancar dengan para pekerja kami semasa pandemik turut mendapat perhatian apabila F&NHB menerima Anugerah Perak semasa Anugerah Kecemerlangan HR 2020 Malaysia dalam kategori Kecemerlangan dalam Strategi Komunikasi HR.


PENGHARGAAN

Prestasi kami secara keseluruhan dalam TK2021 mencerminkan ketahanan organisasi yang dibina sejak sekian lama dan hasil daripada sumbangan pelbagai pemegang kepentingan. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, termasuk para pelanggan, pengguna, rakan perniagaan dan pemegang saham, hinggalah para pekerja dan Pengarah kami atas sokongan yang diberikan.

Tahun ini kita mengucapkan selamat tinggal kepada Dato' Sri Johan Tazrin Bin Hamid Ngo yang akan bersara selepas Mesyuarat Agung Tahunan. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah merakamkan penghargaan kami atas khidmat dan sumbangan yang beliau berikan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas selama sembilan tahun. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau.

Pada masa yang sama, kami mengalu-alukan kedatangan Dato' Ng Wan Peng, yang menyertai Lembaga Pengarah pada 30 Julai 2021. Sebagai Pengarah Alternatif kepada Dato' Sri Johan Tazrin Bin Hamid Ngo, Dato' Ng membawa bersama beliau pengalaman yang luas dalam bidang IT dan pendigitalan yang menjadi sangat relevan ketika F&NHB melalui Revolusi Industri 4.0.

Saya mengucapkan seikhlas terima kasih kepada seluruh keluarga F&NHB atas usaha gigih dan komitmen anda ketika sokongan daripada anda semua amat diperlukan. Keupayaan kita untuk mengharungi tahun yang paling mencabar ini adalah hasil daripada kesungguhan dan ketabahan anda semua. Seperti yang saya sebutkan sebelum ini, sinar harapan untuk hari esok yang lebih baik kini mula muncul. Lebih banyak peluang baharu akan menanti kita. Marilah kita bersama-sama berusaha untuk membawakan kegembiraan kepada para pengguna dan menambah nilai untuk semua pemegang kepentingan kita yang lain.



Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Perlis
Syed Badarudin Jamalullail
Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail
Pengerusi

*Penilaian Kelestarian Korporat Global S&P 2021 (Tarikh skor: 12 Nov, 2021)



